

Pemilihan Menteri WP: Pemuda UMNO nak temui Musa

KUALA LUMPUR, Ahad — Pergerakan Pemuda UMNO Wilayah Persekutuan akan menemui Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam bagi membincangkan beberapa isu terutama yang menyentuh pemilihan Menteri Wilayah Persekutuan.

Ketua Pergerakan, Encik Mokhtar Haji Omar berkata perkara yang akan dibincangkan adalah dalam bidang kusa Datuk Musa sebagai Timbalan Presiden UMNO.

Tambahan lagi, katanya, perkara-perkara tersebut tidaklah begitu mustahak sehingga harus dibawa ke pengetahuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Pergerakannya, menurutnya lagi, tidak membantah perantikan Datuk Pangiran Othman Rauf sebagai Menteri Wilayah Persekutuan.

"Tetapi berikannya sesiapa jua yang menjadi menteri berada dalam jawatannya untuk beberapa waktu, setidaknya setahun," tambahnya.

Encik Mokhtar berkata, ini akan memberikan peluang kepada menteri berkenaan melihat beberapa saranan dan usahanya dilaksanakan sebagai projek-projek yang menguntungkan rakyat.

Apa yang terjadi, katanya, setengah-setengah projek tidak dapat dilaksanakan seperti yang direncang atau disarankan oleh menteri-menteri terdahulu.

Katanya, selain dari Tun Hussein Onn, Menteri-menteri Wilayah Persekutuan yang terdahulu kerap terdiri dari orang-orang bukan UMNO. Pergerakannya selalu tertanya-tanya kenapa ahli-ahli UMNO tidak dilantik untuk jawatan itu.

"Seseorang ahli UMNO, tentunya akan lebih memahami dan bersungguh-sungguh mengatasi masalah setempat," tambahnya.

Pergerakan Pemuda UMNO WP bermesyuarat malam Sabtu lalu dan mengambil keputusan bahawa satu mesyuarat tertutup dengan Datuk Musa mesti diadakan.